

28/12/2000

Saham MAS: Kerajaan kaji syarat syarikat asing

PUTRAJAYA, Rabu - Kerajaan perlu mengkaji syarat-syarat yang dikenakan syarikat asing yang mungkin menawarkan untuk membeli saham dalam Penerbangan Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Kita perlu lihat syarat-syarat yang mereka (rakan luar) desak jika mereka beli saham MAS.

"Kerajaan tidak boleh menjual ekuiti MAS kepada syarikat asing dengan begitu sahaja kerana khuatir kontrak sosial syarikat penerbangan itu kepada rakyat, khususnya khidmat penerbangan domestik, akan terjejas.

"Kita perlu teliti dengan terperinci (syarat mereka) supaya ia tidak menjejaskan pelaksanaan kontrak sosial itu walaupun ia merugikan MAS.

"Jika syarikat asing diambil sebagai rakan niaga, mereka sudah tentu tidak mahu dibebani sebarang kontrak sosial yang kini ditanggung MAS. Jadi, kita perlu meneliti kedudukan kita secara terperinci," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis rumah terbuka hari raya di kediaman rasminya di Seri Perdana di sini hari ini.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan tidak akan membiarkan MAS dikuasai syarikat-syarikat asing walaupun kerajaan membenarkan mereka mempunyai pegangan dalam syarikat penerbangan nasional itu.

Menurutnya, kerajaan juga tidak bersedia melepaskan penguasaannya dalam syarikat penerbangan itu pada masa sekarang.

Katanya, mana-mana pihak yang ingin membelinya perlu dipastikan dapat memenuhi kontrak sosial MAS kepada rakyat tempatan.

Minggu lalu, kerajaan membeli balik ekuiti 29.09 peratus dalam MAS walaupun pada awalnya ada ura-ura sebuah syarikat asing yang sesuai sedang dicari untuk dijadikan rakan kongsi.

(END)